

05/10/1997

Berdisiplin menghadapi masa sukar

A Nazri Abdullah

NASIHAT Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat Malaysia jangan panik dengan keadaan pasaran saham dan pertukaran asing yang menjunam, memerlukan penjelasan lanjut. Kejatuhan pasaran saham dan nilai ringgit berbanding mata wang asing adalah fenomena sementara yang berpunca daripada banyak sebab. Selain daripada kegiatan manipulator yang didalangi oleh pelabur tamak, kita juga terpaksa mengakui bahawa dalam sistem ekonomi bebas dan pasaran global, kegiatan mencari untung adalah amalan biasa dalam mana-mana pasaran. Kita terpaksa mengakui pasaran saham di seluruh dunia sudah bertukar menjadi kasino. Jumlah pelabur jangka panjang yang melabur untuk mendapat keuntungan melalui dividen amat kecil, berbanding pelabur yang mencari untung pendek.

Kita juga perlu mengakui bahawa sejajar dengan pembangunan negara, kita telah membelanjakan beratus-ratus bilion ringgit untuk membeli mata wang asing. Selain daripada import barangan yang boleh diimbangi dengan eksport negara, jumlah rakyat Malaysia yang ke luar negara sama ada melancong atau atas urusan perniagaan, berlipat kali ganda. Kalau kita campur semua ringgit yang dibelanja pelabur Malaysia di seberang laut, pelajar Malaysia di luar negara, umat Islam yang menunai haji dan umrah, ditambah pula dengan penghantaran pulang wang oleh pekerja asing, jumlahnya tentulah beratus bilion ringgit. Apabila ringgit yang berada di luar negara dijual semula ke pasaran tempatan dengan secara terancang, maka nilai ringgit sukar dipertahankan. Ringgit akan kembali stabil apabila pemegang dana kekurangan ringgit untuk didagangkan. Turun naik pasaran saham dan pertukaran asing adalah pusingan yang pasti berlaku dalam sistem ekonomi bebas. Semua pasaran di dunia tidak terlepas daripada mengalami keadaan pasang surut seperti ini. Mata wang dolar pernah merosot teruk berbanding Yen, begitu juga dengan paun, deutchmark dan beberapa mata wang asing lain. Bagi syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan di Amerika dan United Kingdom, kerugian yang dialami tidaklah seteruk usahawan yang melabur di negara lain yang mata wangnya merosot lebih teruk daripada ringgit.

Apa yang perlu kita lakukan sekarang seperti mana nasihat Perdana Menteri ialah bersabar dan tidak panik. Kita perlu lebih berdisiplin dalam perbelanjaan dan kesediaan kerajaan membatalkan beberapa projek besar yang tidak mendesak menunjukkan kerajaan peka dengan keadaan yang berlaku. Kita yakin Belanjawan Negara yang akan dibentangkan tidak lama lagi akan memperlancarkan sedikit kadar pertumbuhan ekonomi bagi mengurangkan kesan difisit akaun semasa yang terjejas ekoran kejatuhan ringgit. Bagaimanapun, kita tidak boleh menghentikan semua projek kerana kita memerlukan pertumbuhan untuk menjamin peluang pekerjaan dan punca pendapatan untuk rakyat. Ekonomi negara akan hancur jika pertumbuhan terbantut atau terhenti.

Pandangan yang cuba mengaitkan kejatuhan pasaran saham dan pertukaran asing dengan ketegasan dan kritikan tajam Perdana Menteri terhadap manipulator asing, khususnya George Soros, perlu menilai semula pendapat mereka kerana ramai daripada mereka yang tidak memahami Dr Mahathir. Sikap tegas dan kritikal Dr Mahathir terhadap ketidakadilan dan kerakusan Barat dalam menafikan hak negara membangun untuk maju bukanlah perkara baru. Sebagai pemimpin yang komited dengan perjuangan membebaskan negara membangun daripada belenggu dan tekanan negara maju, Dr Mahathir sentiasa bersifat provokatif dan sering melontar pelbagai idea untuk membetulkan

suasana perdagangan antarabangsa yang tidak adil.

Ucapannya di Hong Kong yang dianggap menyumbang kepada kejatuhan nilai ringgit ke tahap paling rendah dalam tempoh 26 tahun, sebenarnya bukanlah satu pengumuman dasar tetapi sekadar lontaran idea untuk dibahaskan oleh masyarakat antarabangsa. Dr Mahathir melontar ideanya kerana beliau mengidamkan sebuah pasaran yang ideal, pasaran yang bebas daripada penjudi dan perompak. Sebagai pemimpin yang pragmatik dan praktikal, Dr Mahathir sentiasa memikirkan cara baru bagi menjamin globalisasi perdagangan tidak menjadi tali yang bakal menjerut negara miskin dan negara membangun. Bagaimanapun, sebagai pemimpin yang pragmatik, Dr Mahathir faham tidak semua keputusan yang dibuatnya 100 peratus betul. Kesediaannya membatalkan dan menanggukkan beberapa projek besar menunjukkan beliau adalah pemimpin yang praktikal sifatnya walaupun keputusan itu pedih bagi seorang negarawan yang mahu melihat bangsa dan negaranya berdiri sama tinggi dengan bangsa yang maju.

Dr Mahathir akan terus mengkritik dan melontarkan pelbagai idea baru dan mereka yang lemah semangat dan tidak mempunyai ketahanan diri akan sentiasa berasa takut dan bimbang. Mereka seperti ini akan melihat pandangan Perdana Menteri yang kadang kala berbeza dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai gambaran ketidakstabilan politik Malaysia, sedangkan sikap keterbukaan Perdana Menteri dan timbalannya itulah yang menyumbang kepada kekuatan politik dan demokrasi di Malaysia. Media Barat akan sentiasa mencari peluang untuk melaga-lagakan pemimpin di negara membangun, dan kita harap rakyat dan pemimpin tidak akan terjebak dalam perangkap Barat.

(END)